



14 Mac 2013
14 March 2013
P.U. (A) 92

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH DUTI SETEM (PENGEQUALIAN) (NO. 6) 2013

STAMP DUTY (EXEMPTION) (NO. 6) ORDER 2013



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA SETEM 1949

PERINTAH DUTI SETEM (PENGECUALIAN) (NO. 6) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 80(1) Akta Setem 1949 [Akta 378], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Duti Setem (Pengecualian) (No. 6) 2013**.

Pengecualian

2. (1) Surat cara yang disempurnakan oleh kontraktor atau pemaju penyelamat, iaitu kontraktor atau pemaju yang dilantik atau diluluskan oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk menjalankan kerja pemulihan bagi projek terbengkalai dikecualikan daripada duti setem.

(2) Surat cara yang disebut dalam subperenggan (1) adalah—

(a) apa-apa surat cara pinjaman atau perjanjian pinjaman yang diluluskan oleh bank dan institusi kewangan untuk membiayai projek terbengkalai; dan

(b) apa-apa surat cara pindah milik bagi maksud pindah milik harta kediaman yang dipulihkan berhubung dengan projek terbengkalai.

(3) Bank dan institusi kewangan yang disebut dalam subsubperenggan (2)(2)(a) adalah—

(a) mana-mana bank atau syarikat kewangan yang dilesenkan atau disifatkan dilesenkan di bawah Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 [Akta 372];

- (b) mana-mana bank yang dilesenkan di bawah Akta Bank Islam 1983 [Akta 276];
- (c) mana-mana institusi kewangan pembangunan yang ditetapkan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 [Akta 618];
- (d) mana-mana perniagaan insurans yang dilesenkan di bawah Akta Insurans 1996 [Akta 553]; atau
- (e) mana-mana pengendali takaful yang dilesenkan di bawah Akta Takaful 1984 [Akta 312].

(4) Harta kediaman yang dipulihkan yang disebut dalam subsubperenggan (2)(2)(b) ertinya suatu rumah, unit kondominium, pangsapuri atau rumah pangsa bagi projek terbengkalai yang dipulihkan oleh kontraktor atau pemaju penyelamat dan dibina sebagai suatu rumah kediaman.

(5) Projek terbengkalai yang disebut dalam perenggan 2 ertinya suatu projek yang diperakui oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan sebagai projek terbengkalai menurut perenggan 11(1)(ca) Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118].

Pemakaian

3. Pengecualian dalam perenggan 2 hendaklah terpakai bagi surat cara yang disempurnakan oleh kontraktor atau pemaju penyelamat pada atau selepas 1 Januari 2013 tetapi tidak lewat dari 31 Disember 2015.

Dibuat 27 Februari 2013
[Perb. CR(8.20)116/1-138(2013)JLD.2(SK.6); LHDN.01/35/(S)/42/51/Klt. 19;
PN(PU2)159/XXXVII]

DATO' SERI AHMAD HUSNI MOHAMAD HANADZLAH
Menteri Kewangan Kedua

STAMP ACT 1949

STAMP DUTY (EXEMPTION) (NO. 6) ORDER 2013

IN exercise of the powers conferred by subsection 80(1) of the Stamp Act 1949 [Act 378], the Minister makes the following order:

Citation

1. This order may be cited as the **Stamp Duty (Exemption) (No. 6) Order 2013**.

Exemption

2. (1) The instruments executed by a rescuing contractor or a developer, that is a contractor or a developer who is appointed or approved by the Minister of Housing and Local Government to carry on rehabilitation works for an abandoned project are exempted from stamp duty.

- (2) The instruments referred to in subparagraph (1) shall be—

- (a) any loan instrument or loan agreement approved by the bank and financial institution to finance the abandoned project; and
- (b) any instrument of transfer for the purpose of transferring revived residential property in relation to the abandoned project.

- (3) The bank and financial institution referred to in subparagraph (2)(2)(a) shall be—

- (a) any bank or finance company licensed or deemed to be licensed under the Banking and Financial Institutions Act 1989 [Act 372];
- (b) any bank licensed under the Islamic Banking Act 1983 [Act 276];
- (c) any development financial institution prescribed under the Development Financial Institutions Act 2002 [Act 618];

(d) any insurance business licensed under Insurance Act 1996 [Act 553]; or

(e) any takaful operator licensed under the Takaful Act 1984 [Act 312].

(4) A revived residential property referred to in subparagraph (2)(2)(b) means a house, a condominium unit, an apartment or a flat of the abandoned project that has been revived by the rescuing contractor or developer and built as a dwelling house.

(5) The abandoned project referred to in paragraph 2 means any project certified by the Minister of Housing and Local Government as an abandoned project pursuant to paragraph 11(1)(ca) of the Housing Development (Control and Licensing) Act 1966 [Act 118].

Application

3. The exemption in paragraph 2 shall apply to the instruments executed by the rescuing contractor or developer on or after 1 January 2013 but not later than 31 December 2015.

Made 27 February 2013

[Perb.CR(8.20)116/1-138(2013)JLD.2(SK.6);LHDN.01/35/(S)/42/51/Klt.19;
PN(PU2)159/XXXVII]

DATO' SERI AHMAD HUSNI MOHAMAD HANADZLAH
Second Minister of Finance